



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 7: BILANGAN 9.

BANDAR BRUNEI, RABU 2 MAY, 1962 (27 Zulka'edah, 1381)

PERCHUMA

Tugas Guru Ia-lah Mendidik Anak2

SUPAYA TA'AT KAPADA RAJA DAN
NEGARA—KATA MENTERI BESAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un menyatakan bahawa sa-lain daripada tugas2 guru dalam persekutuan-nya, mereka hendak-lah bertugas mendidik anak2 bangsa untuk menjadikan mereka anak geri yang ta'at kapada raja dan negara dengan tidak berbelah bagi.

D. Y. M. M. KA-MEKAH PADA 4 MAY

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan menunaikan fardhu Haji pada tahun ini.

Ini-lah kali yang ke-dua Duli Yang Maha Mulia akan berangkat ka-Tanah Suci.

Baginda akan berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang dari lapangan terbang Berakas pada pukul 4 petang hari Jumaat 4 May, 1962 dan akan di-iringi oleh sabelas orang ia-itu seperti di-bawah ini:

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Mohamad bin Pengiran Piut; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud dan isteri: Yang Mulia Pengiran Haji Buntar; Yang Mulia Pengiran Mohamad Hassan bin Pengiran Munggu;

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamad Taha; Yang Berhormat Pehin Maharaja Diraja Awang Abdul Rahman; Yang Di-Muliakan Pehin Sri Wangsa Haji Mohamed; Yang Di-Muliakan Pehin Bendahari Mohamed Taha bin Bakir; Yang Mulia Dato Raja Haji Omar bin Chik dan Yang Mulia Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Berkata dalam upacara pembukaan rasmi Meshuarat Agung Persekutuan Guru2 Melayu Brunei Yang Ke-15 di-dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada 28 April yang lalu, Dato Setia Marsal menegaskan bahawa tenaga dan jiwa anak negeri yang insaf, harus-lah di-tumpukan kepada perkhidmatan untuk negeri ini dengan sabanyak2-nya, memandang Negeri Brunei pada masa ini sedang menuju ka-arrah pembangunan.

"Saya yakin, jiwa mereka yang seperti itu hanya akan di-peroleh dengan ada-nya didekan yang semporna dari sa-tiap guru. Dan dengan demikian akan lahir-lah kelak jenerasi2 yang di-kehendaki", kata beliau.

Sa-belum itu, Menteri Besar Brunei telah menganalisa garis2 perjuangan dan kejayaan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang berjuang dengan dasar undang2-nya.

Beliau berharap kejayaan2 itu akan berlipat ganda lagi pada masa akan datang, asalkan sa-tiap ahli Persekutuan Guru2 Melayu Brunei menchapai kata sa-pakat mentadbirkan persekutuan tersebut.

Penasehat Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamad Daud, dalam ucapan-nya menyatakan bahawa dalam melaksanakan pembangunan negeri ini, jangan-lah hendak-nya kita leka dengan kemewahan dan mesti-lah mementingkan keadaan masa yang lebih jauh lagi.

Menyentuh "dasar pelajaran" yang menjadi faktor penting dalam pendidekan, beliau berkata bahawa harus-lah kita mengambil perhatian berat kerana perkara itu bukan-lah suatu perkara

(Lihat Muka 5)

Y.A.M. PENGIRAN SHAHBANDAR
MENYAMPAIKAN PERISAI D. Y. M. M.



Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan perisai kedatangan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kepada Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer Melayu yang telah memenangi perisai itu pada tahun 1961. Istiadat itu telah di-adakan pada hari Khamis 19 April, 1962. Berdiri di-tengah dalam gambar ini ia-lah Chegu Mohamed Yusof bin Ampuan Daud, Guru Besar sekolah tersebut.

Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota Berangkat Ka-Malaya

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkihah telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada petang hari Ithnin yang lalu untuk meneruskan pelajaran di-Kuala Lumpur.

Kedua2 putera Duli2 Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Raja Isteri itu telah di-iringi oleh Tuan Imam Haji Hashim bin Tahir dan Dato Ratna Haji Japar bin Jamaluddin.

Turut berangkat bersama2 dengan Putera2 Diraja tersebut ia-lah putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara ia-itu Pengiran Anak Abdul Rahman dan Pengiran Anak Apang; putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, ia-itu Pengiran Anak Yusuf, Pengiran Anak Ja'afar dan Pengiran Anak Puteh; putera2 Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji

Abdul Rahim, ia-itu Awangku Yura Laila dan Awangku Yura Halim serta Awangku Kamarul-zaman putera kapada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Di-antara yang datang ka-lapangan terbang Berakas untuk menghantarkan Putera2 Diraja tersebut berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un; Ahli2 Majlis Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri Brunei serta ramai kerabat Diraja Brunei.

KERAJINAN ADA-LAH PUNCHA SEGALA KEMAJUAN - KATA INCHE NOORDIN

BANDAR BRUNEI. — Pengelola Pelajaran Melayu, Brunei, Inche' Noordin bin Abd. Latif telah menyatakan bahawa Hari Ibu Bapa sa-bagaimana di-adakan pada tahun2 yang lalu biasa-nya di-sambut dengan chara besar2an oleh Sekolah2 Melayu di-negeri ini, tidak akan di-adakan lagi dengan sambutan2 yang demikian itu.

Beliau berkata demikian dalam satu upacara menyampaikan hadiah perisai kedatangan kepada Sekolah Melayu Puni, Temburong yang memenangi perisai tersebut dalam tahun 1961 bagi Sekolah2 Melayu Daerah Temburong pada 15 April yang lalu.

Inche' Noordin berkata :

"Hari Ibu Bapa yang biasa-nya di-sambut dengan chara besar2an dengan mengadakan berbagai2 acara seperti sukan, sandiwara, dan lain2 peraduan itu ada-lah chara yang banyak menggunakan wang dan tenaga, yang menyebabkan kebanyakan di-dapati kanak2 terganggu kesihatan-nya sa-lepas Hari Ibu Bapa itu di-adakan.

"Sebab itu Jabatan Pelajaran tidak lagi menggalakkan chara2 sambutan demikian, melainkan pada hari itu hanya di-adakan pertunjukan chara2 mengajar murid kepada ibu bapa dan penjaga kanak2 itu dan berhubung dengan kemajuan murid2 itu di-sekolah-nya masing2."

Pengelola Pelajaran Melayu itu menjelaskan bahawa chara2 sambutan dengan mengadakan berbagai2 acara seperti sukan, sandiwara, peraduan2 membach sa-jak, nyanyi dan lain2 itu akan di-adakan pada penggal persekolahan yang tertentu nanti.

Beliau menguchapkan tahniah atas kemajuan kedatangan sekolah itu kerana telah memenangi perisai kedatangan itu.

Inche' Noordin telah juga menasehatkan kepada penduduk2 kampung dan murid2 sekolah itu mengenai persekolahan.

"Kerajinan ada-lah puncha segala kemajuan. Jika kita teruta-

ma penduduk2 negeri ini mempunyai sifat demikian, kita akan beroleh hasil yang baik — yang mendatangkan fa'edah kepada negeri ini".

"Pejabat Pelajaran berharap kepada ibu2 bapa dan penjaga2 anak2 yang belajar di-sekolah ini akan mendorong anak2 mereka supaya belajar lebih rajin dan usaha lagi dalam mencari kemajuan", kata beliau.

Perisai Kedatangan kurnia dari Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri itu telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Muhammad.

Yang Amat Mulia itu di-iringi oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat, Inche' M. McInnes; Pengelola

Pelajaran Melayu, Inche' Noordin bin Abd. Latif; Nazir Sekolah2 Melayu Temburong, Yang Berhormat Inche' Shahbuddin bin Salleh dan Nazir Sekolah Melayu Bahagian Brunei Dua, Inche' Md. Yusuf bin Tahir.

Pengiran Kerma Indera telah menyampaikan hadiah perisai kedatangan itu kepada Sekolah Melayu Puni, Temburong pada pukul 2.30 petang 15 April setelah menyampaikan hadiah perisai kedatangan pada sa-belah pagi di-Sekolah Melayu Sultan Abd. Mobin, Sungai Besar, Brunei.

Dalam perjalanan balek ka-Brunei, rombongan itu telah di-persilakan oleh Guru Besar Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, Inche' Ludin bin Hashim kerana menyaksikan temasha sambutan Hari Ibu Bapa sekolah-nya yang di-adakan pada hari itu.

MURID2 SEKOLAH DARI SIBU MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan seramai 14 orang, terdiri dari 3 orang guru dan 11 orang penuntut Sekolah Tinggi Methodist, Sibu telah melawat Negeri Brunei sa-lama tiga hari baruar2 ini.

Rombongan itu yang di-keuai oleh Inche Peasbeck, telah tiba di-Brunei dari Sibu dengan kapal Aubry pada pagi 21 April yang lalu.

Ini-lah kali yang ke-dua penuntut2 sekolah Inggeris tersebut melawat ka-Brunei. Lawatan

yang pertama ia-lah pada tahun lepas.

Dalam masa tiga hari mereka berada di-sini, para pelawat tersebut telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan ka-lain2 tempat.

Mereka telah belayar ka-Labuan dengan sa-buah kapal Kerajaan Brunei dalam perjalanan ka-Jesselton dan ka-lain2 tempat di-Borneo Utara.

KERJA KOSONG:

Pemereksa Kira2

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan dan yang berhak untuk di-daftarkan sabagai ra'ayat Sultan kerana jawatan sabagai Pemereksa Kira2 di-Pejabat Odit, Brunei.

GAJI: — Dalam tingkatan D(b) 2-3-4-5/D(a) 1-2-3-4-5 \$211 x 9-220 x 10-260 x 20-280 x 10-290 x 20-330/350 x 20-370 x 10-380 x 25-560.

KELAYAKAN: — Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form III di-Sekolah Inggeris atau darjah yang berhampiran dan mesti-lah cekap dalam ilmu hisab.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam ilmu kira2 dan mempunyai pengetahuan yang baik dalam ilmu Menjaga Kira2. Pengalaman2 ini akan di-kira dalam menentukan gaji permulaan apakala di-lantek.

Pemohon2 yang berjaya adalah di-kehendaki untuk berkhidmat dalam perkhidmatan yang tempohnya akan di-tentukan oleh Surohannya Perkhidmatan Awam sebelum di-beri jawatan tetap.

Permohonan2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, yang mana mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 7 May, 1962.

Permohonan2 dari pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa adalah di-kehendaki untuk menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu penyata perkhidmatan yang lengkap.

PERSATUAN ANGKATAN TUNAS HARAPAN

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Tunas Harapan, rengkas-nya PATUH, sa-buah persatuan baharu telah di-tubuhkan oleh pemuda2 Kampong Siraja Muda "B" dan pendaftaran-nya telah di-luluskan pada 16 April yang lalu oleh pihak pendaftaran Negeri Brunei.

Persatuan ini mempunyai dasar untuk meninggikan taraf hidup dan memperjuangkan, mendokong keninggian bahasa, kesusa-teraan, kesenian dan kebudayaan Melayu.

Sa-lain itu, PATUH juga berchita2 untuk menyatu-padukan pemuda pemudi dalam memperjuangkan keluhuran bangsa, negara dan ugama, dan mengamalkan faham demokrasi.

Pegawai2 PATUH ia-lah :

Yang di-Pertua Agong — Awangku Ya'akub bin Pengiran Muhammad; Naib Yang Di-Pertua Agong — Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud; Setia Usaha Agong — Awangku Zainal bin Pengiran Omar; Naib Setia Usaha Agong — Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Ahmad

dan Peyimpan Wang — Awangku Jeluddin bin Pengiran Muhammad.

Penasehat-nya ia-lah Pengiran Omar bin Pengiran Momin.

BERLATEH DI-ENGLAND

KUALA BELAIT. — Inche Abdul Rahman bin Abdul Razak, sa-orang ahli teknik makmal yang kanan di-Rumah Sakit Kerajaan di-Kuala Belait akan berangkat ka-England dalam bulan ini untuk berlateh dalam jurusan pentadbiran rumah sakit di-Maktab Kakitangan Pentadbir Rumah Sakit di-London sa-lama tiga bulan.

Beliau di-jadualkan berlepas dari lapangan terbang Berakas, Brunei ka-Singapura pada hari Khamis 3 May, 1962 dalam perjalanan ka-England.



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanche telah menyampaikan perisai kedatangan kurnia Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kepada Darjah 6G, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei yang telah memenangi perisai itu dalam tahun 1961. Istiadat itu telah di-adakan pada pagi hari Khamis 19 April yang lalu. Sebelum Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanche menyampaikan perisai tersebut ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Pegawai Pelajaran Negara, Brunei Inche McInnes dan oleh Guru Besar Sekolah Melayu S.M.J.A. Chagu Awang Mohsin bin Pengiran Damit. Dalam gambar ini kelihatan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemanche sedang menyampaikan perisai tersebut kepada sa-orang wakil murid Darjah 6G Sekolah Melayu S.M.J.A.

Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei Melawat Malaya

BERAKAS. — Empat orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang dari sini pada 20 April yang lalu untuk mengadakan beberapa perbincangan selanjut-nya mengenai pertadbiran Askar Melayu Brunei.

Pegawai2 tersebut yang mewakili Kerajaan Brunei ialah Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran

Dewan Belia Antara Bangsa

BANDAR BRUNEI. — Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei akan menghantarkan beberapa orang wakil ka-Hongkong untuk menghadiri Kongress Dewan Belia Antara Bangsa Sa-Dunia Kali yang ke-17 mulai dari 4 November hingga 11 November tahun ini.

Perkara tersebut telah di-luluskan dalam Mesuarat Agong persatuan tersebut di-Bilek Persidangan, Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 22 April, 1962.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir, Dewan Belia Antara Bangsa, Bandar Brunei yang telah di-lantek dalam mesuarat tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Inche Zaini bin Haji Ahmad. Naib Yang Dipertua — Inche M.K. Fozdar. Setia Usaha — Inche Zain Ariff. Penyimpan Wang — Inche William Lee dan Ahli Jawatan Kuasa — Inche R.J. De Cruz.

KERANI2 BESAR BALEK DARI MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Sabelas orang Kerani2 Besar dari Jabatan2 Kerajaan Negeri Brunei telah balek ka-Brunei baharu2 ini setelah menghadiri kursus ulang-kaji Kerani2 Besar di-Dewan Latihan Pegawai2 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson, Negeri Sembilan selama dua minggu.

Dalam gambar ini yang di-ambil pada hari pembukaan darjah ulang-kaji kursus tersebut kelihatan Tuan Sheikh Hussein bin Sheikh Mohamed, Timbalan Ketua Pegawai Perjawatan, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (duduk di-tengah) dan beberapa orang Pegawai Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu serta Kerani2 Besar dari Negeri Brunei yang menghadiri kursus tersebut.

Duduk di-barisan hadapan ke-

lihatan bilangan 3 dari kiri — Inche Moey Liang Teck, Penyelesaian, Dewan Latehan tersebut dan bilangan 4 dari kiri — Inche Abdul Majid bin Mohamed Yusof, Pengetua, Dewan Latehan itu. Dudok bilangan 3 dari kanan ialah Inche Joseph Lim Yoke Saik, Penjarah, Dewan Latehan itu dan duduk bilangan 4 dari kanan ialah sa-orang lagi Penjarah, Dewan Latehan tersebut ia-itu Inche Abdul Karim bin Ineh.

mengadakan perundingan2 di-Bilek Persidangan Kementerian Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu berkenaan dengan berbagai2 perkara.

Di-antara perkara2 tersebut ialah menetapkan tempat kedudukan sementara Askar Melayu Brunei sa-lama dalam masa lathan di-Persekutuan Tanah Melayu dan pembedaan sa-buah pusat tentera yang tetap di-Brunei.

Sa-lain dari itu, Pegawai2 Kanan tersebut juga melawat ka-Pusat Latehan Askar2 Melayu Brunei di-Sungai Besi, Kuala Lumpur; Port Dickson, Negeri Sembilan dan Perkhemahan Singenting di-Melaka.

Pegawai2 tersebut telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Ahad yang lalu.

Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kesatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Brunei telah meluluskan belanjawan sa-banyak \$4,500 bagi menjalankan pentadbiran kesatuan itu untuk tahun 1962 hingga ka-tahun 1963 dalam Mesuarat Agong-nya.

Mesuarat Agong itu telah diadakan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada hari Ahad 22 April, 1962 dan di-hadiri oleh ramai ahli2 kesatuan tersebut.

Pegawai2 baru kesatuan Pega-

wai2 Tetap Kerajaan Brunei yang telah di-lantek dalam mesuarat tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Inche Mohamed Yusof bin Tahir; Naib Yang Dipertua — Inche Mohsin bin Pukul; Setia Usaha Agong — Inche Jaya bin Abdul Latiff; Penolong Setia Usaha Agong — Inche B.S. Andrews; Penyimpan Amanah — Inche Chong Tet Kong dan delapan orang Ahli2 Jawatan Kuasa.

Kesatuan itu sedang berusaha menchari sa-buah rumah untuk menjalankan kerja2-nya.

PENGIRAN HIDUP KA-SINGAPURA

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Penguasa Penjara Brunei telah berlepas dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada 24 April yang lalu kerana menghadiri kursus "masaalah budak2 rosak akhlak" sa-lama lebeh kurang sa-bulan.

Beliau di-jadualkan melawat ke-beberapa buah sekolah di-Singapura yang berkaitan dengan masaalah itu seperti Sekolah Budak2 Rosak Akhlak Gimson dan Pusat Latehan Peribadi sa-lain daripada mempelajari masaalah mengenai penjara.

Di-lapangan terbang Berakas, Pengiran Hidup telah di-hantar oleh beberapa orang kaki tangan jabatan-nya sa-lain dari keluarga dan sahabat handai sa-jurus sebelum meninggalkan Brunei.

PERSATUAN BELIA SUNGAI LIANG

SUNGAI LIANG. — Pemuda2 di-Sungai Liang telah menubuhkan sa-buah persatuan belia di-sini baharu2 ini.

Persatuan tersebut ia-lah, "Persatuan Ikatan Pemuda Pemuda Sungai Liang".

Pegawai2 persatuan itu yang telah di-lantek dalam mesuarat tersebut ia-lah:

Yang Dipertua — Inche Abdul Rahman bin Abdul Hamid. Naib Yang Dipertua — Inche Rais bin A. Banih.

Setia Usaha Kehormat — A. Metussin Hajir Tahir. Penolong Setia Usaha Kehormat — Inche Abd. Manaf. Bendahari Kehormat — Inche Mohamed Hassan bin Yahya. Pemereksa Kira2 — Inche Mohamed Hussin bin Dagong dan Inche A. Wahid bin A. Wahab.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Inche Juen bin Antin, Inche Engin bin Rania, Inche Kaseh bin Ahmad, Inche Rasidi bin Sa'at dan Inche Manan bin Piut.

Pemuda2 yang menghadiri mesuarat tersebut telah melan-tek Orang Kaya Rimba bin Panchor, Penghulu, Sungai Liang sa-bagai Penaong persatuan itu.

Sa-lain dari itu, mereka telah membentuk sa-buah Badan Penasehat terdiri dari Inche Payong bin Buri, Inche Abdul Majid bin Abdul Wahid, Inche Siput bin Tahiruddin, Inche Abdul Hamid Lasim dan Inche Rahmat bin Mohamed Salleh.

Doktor Li Melawat Brunei


BANDAR BRUNEI. — Doktor C. L. Li Timbalan Ketua Bahagian Perusahaan dan Perkembangan Hasil Logam Surohanjaya Ekonomik Bangsa2 Bersatu bagi Asia dan Timor Jauh telah melawat ka-Negeri Brunei sa-lama dua hari baharu2 ini.

Dalam masa tersebut Doktor Li telah mengadakan perundingan dengan Pesuruhjaya Kemajuan Negara, Brunei, Inche Sa'ad bin Marzuki dan Penasehat Ekonomik Bangsa2 Bersatu di Brunei. Doktor J.S. Gould mengenai segi teknik, hasil logam dan bumi.

PERSIDANGAN BELIA

BERAKAS. — Inche Salleh bin Haji Masri, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei telah berangkat ka-Kuala Lumpur baharu2 ini dengan kapal terbang untuk menghadiri Persidangan Tahunan Majlis Belia Seluruh Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai pemerhati.

Persidangan itu telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada 20 April, 1962.



SIARAN RADIO BRUNEI — BA

Rancangan Siaran Radio Brunei bahagian Melayu dari Studio2 di-Bandar Brunei dan Kuala Belait mulai dari 2 hingga 12 May, adalah seperti di-bawah ini:

RABU — 2 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Halaman Perbincangan — Rakaman BBCTS London — (S.U.).
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar—(S.U.)
2.00 Rehat
Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Latar Belakang — BBCTS London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Studio Orkest
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Hiboran
4.45 Latar Belakang — BBCTS London
5.00 Lagu2 Irama Joget
5.15 Rayuan Guitar
5.30 Lagu2 Hiboran Rampaian
6.00 Siaran Melayu Tammat

KHAMIS — 3 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Sutinah
12.45 Sain dan Perusahaan—(S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Oleh: Haji Khalidi
7.30 Lagu2 yang berirama pelahan
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Tafsir Al-Koran — Ustaz Salleh Hj. Abd. Majid
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai: Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.00 Perkembangan Ilmu — Pengetahuan — (V.O.A.)
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (BBCTS London)
5.00 Permainan Hiboran Tempatan (S.U.)
5.30 Lagu2 Padang Pasir
5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran. Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 4 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi

9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Ugama Di-Udara
9.45 Sharahan Ugama

10.10 Hiboran
10.15 Rengkas Berita
10.20 Mengisi Masa
10.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.

1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.45 Lagu2 Irama Pelahan

2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Dondang Sayang — (Radio Singapura)

7.15 Sandiwara Radio — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
8.00 Lagu2 Perminta'an Sukaramai — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Akhir
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran
11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (BBCTS London)
12.00 Rancangan Ugama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohammad
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran
4.50 Majallah Sain dan Perusahaan (BBCTS London)
5.00 Lagu2 Paduan Suara
5.30 Aneka Lagu2 Melayu Instrumental — Di-terbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin
5.45 Lagu2 Masri
6.00 Siaran Tammat

SABTU — 5 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran
12.45 Penya'er dan Hasil Karya — (S.U.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Perminta'an Kaum Wanita Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Pilehan Juru Hebah
7.15 Bahasa dan Kesusasteraan (S.U.)
7.30 So'alan Di-Udara — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
7.45 Persembahan Orkest Radio Semarang
8.00 Lidah Pengarang — Di-sampaikan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Lagu2 Hiboran
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan (BBCTS London)
12.00 Hiboran Irama Ranchak
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hidangan Aneka Seni Irama
4.45 Majallah Melalui Udara (V.O.A.)
5.00 Studio Hiboran
5.30 Hidangan Lagu2 Perminta'an Sukaramai
6.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Hiboran Rampaian
11.50 Majallah Sain dan Perusahaan (BBCTS London)
12.00 Hiboran Irama Ranchak
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Irama Langgam — Hidangan Juru Hebah
4.45 Lagu2 Rampaian
5.00 Lagu2 Rampaian
5.15 Tablo Di-Udara — Dua Minggu sekali di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.

ABAD — 6 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi

9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Senandung Pagi

9.15 Ruangan Masak2kan
9.30 Ruangan Apa Khabar — Di-terbitkan Oleh: Adnan Hj. Hassan

Siaran Tengah Hari

10.15 Rengkas Berita
10.20 Suntingan Rancangan Mingguan

10.30 Rehat

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Rampaian
12.45 Tinjauan Di-Pasar — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Asohan Wanita

1.30 Hiboran Dari Studio (Pancharagam Tempatan)

2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Hiboran
7.15 Majallah Radio — Di-terbitkan Oleh: Othman Kamaruddin

7.45 Hiboran (Instrumental)

8.00 Meninjau Sambil Lalu — (S.U.)

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Aneka Lagu2 Irama Lautan Tedoh Oleh: Pgn. Mohd.
11.45 Simposium Di-Udara — (BBCTS London)
12.00 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Hiboran Dari Filem
5.00 Halaman Perbincangan — (BBCTS London)
5.15 Irama Amerika Selatan
5.30 Senandung Lagu Ku — Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

ITHNIN — 7 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Norma Sanger
12.45 Latar Belakang — BBCTS
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Hiboran
1.30 Cherita Pendek — (S.U.)
1.45 Pilehan Juru Hebah
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hamzah Doimat
7.15 Penya'er dan Hasil Keria — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad
7.30 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.15 Sain dan Perusahaan — (BBCTS London)
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Bunga Rampai Melaya
12.00 Laporan Suara Amerika — (VOSTS)
12.15 Hiboran Accordion — Kudian Oleh Pgn. Mohd.
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Irama Langgam — Hidangan Juru Hebah
4.45 Lagu2 Rampaian
5.00 Lagu2 Rampaian
5.15 Tablo Di-Udara — Dua Minggu sekali di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Bunga Rampai Melaya
12.00 Laporan Suara Amerika — (VOSTS)
12.15 Hiboran Accordion — Kudian Oleh Pgn. Mohd.
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Irama Langgam — Hidangan Juru Hebah
4.45 Lagu2 Rampaian
5.00 Lagu2 Rampaian
5.15 Tablo Di-Udara — Dua Minggu sekali di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.

5.30 Irama Instrumental Lautan, Tedoh

5.45 Hiboran Rampaian

6.00 Siaran Melayu Tammat

THALATHA — 8 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Ahmad C.B.
12.45 Laporan Pandangan Mata — (VOA)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Amerika Selatan
1.30 Asohan Wanita — (S.U.)
1.45 Hiboran Penutup
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Meninjau Sambil Lalu — Di-terbitkan Oleh: Dk. Intan
7.45 Rancangan Khas Radio — Di-terbitkan Oleh: Abu Bakar Ahmad
8.15 Pantang Larang Orang Tus2 — Dahulu — Di-terbitkan Oleh: Abu Bakar Ahmad
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Hiboran Malam
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Hiboran
11.45 Permainan Hiboran Tempatan Oleh: Zainab Zainal Abidin
12.15 Lagu2 Hiboran
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Laporan Suara Amerika — VOATS — (S.U.)
4.45 Lagu2 Perminta'an Suka Ramai — Di-sampaikan Oleh: Pgn. Mohd.
5.30 Latar Belakang — (BBCTS London)
5.45 Buaian Alam — Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

RABU — 9 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Hiboran Tengah Hari
12.45 Majallah Melalui Udara — (V.O.A.)
1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Ruangan Apa Khabar — (S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Lagu2 Hiboran
7.15 Latar Belakang — BBCTS London
7.30 Pancharagam Tentera/Police
7.45 Lagu2 Perminta'an Sukaramai Di-sampaikan Oleh: Dk. Intan
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita
8.45 Cherita Pendek — Di-terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohd.
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Bunga Rampai Indonesia
12.00 Latar Belakang — (BBCTS London) (S.U.)
12.15 Lagu2 Rampaian
12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Pilehan Hiboran Saya — Para Pendengar Pengirim Lagu2 Kegemaran Nya — dan Di-siarkan Oleh: Pgn. Mohd.
5.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan — (VOATS)
5.15 Ruangan Cherita Pendek — (S.U.)
5.30 Irama Aneka Senandung — Oleh: Zainab Zainal Abidin
6.00 Siaran Melayu Tammat

LAGIAN MELAYU

KHAMIS — 10 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera
12.32 Lagu2 Nyanyian Didi
12.45 Science dan Perusaha'an — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
1.15 Lagu2 Tanpa Nyanyian
1.30 Majallah Radio — (S.U.)
2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera
7.02 Bacha'an Al-Koran
7.15 Kursus Al-Koran — Di-sampaikan Oleh: Hj. Khalidi
7.30 Lagu2 Irama Pelahan
8.00 Sejarah Islam
8.15 Lagu2 Melayu Asli
8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Tafsir Al-Koran — Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid
9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi
11.30 Selamat Sejahtera
11.32 Lagu2 Peristiwa Suka-Ramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin.

1.00 Perkembangan Ilmu Pengetahuan — VOATS

12.15 Hiboran
12.30 Rehat

Siaran Petang
4.30 Selamat Sejahtera
4.32 Lagu2 Melayu Asli
4.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (BBCTS London)

5.00 Permainan Hiboran Tempatan — (S.U.)

5.30 Lagu2 Padang Pasir

5.45 Bacha'an Ayat Suchi Al-Koran

6.00 Siaran Melayu Tammat

JUMA'AT — 11 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Pagi
9.00 Selamat Sejahtera
9.02 Bacha'an Al-Koran
9.15 Selingan
9.30 Pelajaran Agama Di-Udara — Di-sampaikan Oleh: Ustaz Salleh bin Hj. Abd. Majid

9.45 Sharahan Agama

10.00 Hiboran

10.15 Rengkas Berita

10.20 Mengisi Masa

10.30 Rehat

Siaran Tengah Hari
12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Mimbar Islam — Sembahyang Juma'at Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Selepas itu diikuti dengan lagu2 Masir.

1.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.45 Lagu2 Irama Pelahan

2.00 Rehat

Siaran Malam
7.00 Selamat Sejahtera

7.02 Hiboran Pembuka'an (Radio Singapura)

7.15 Sandiwara Radio — (S.U.)

8.00 Lagu2 Permintaan Suka Ra-

mai — Di-sampaikan Oleh:

8.30 Dk. Intan
Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Akhir

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera

11.32 Lagu2 Hiboran

11.45 Pelajaran Tinggi Di-Britain (S.U.)

12.00 Rancangan Agama — Di-terbitkan Oleh: Pgn. Mohd.

12.32 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera

4.32 Hiboran Rampaian

4.30 Majallah Sain dan Perusaha'an (BBCTS London)

5.45 Lagu2 Masir

5.00 Lagu2 Paduan Suara

5.30 Aneka Lagu2 Melayu Instrumental

5.45 Lagu2 Masir

6.00 Siaran Melayu Tammat

SABTU — 12 MAY, 1962
BANDAR BRUNEI

Siaran Tengah Hari

12.30 Selamat Sejahtera

12.32 Hiboran

12.45 Penyair dan Hasil Karya — (S.U.)

1.00 Tanda Waktu dan Warta Berita

1.15 Selingan

1.30 Lidah Pengarang — Di-Terbitkan Oleh: Abd. Wahab Mohammad

1.45 Hiboran Penutup

2.00 Rehat

Siaran Malam

7.00 Selamat Sejahtera

7.01 Pilehan Juru Hebah

7.15 Halaman Perbincangan — BBCTS

7.30 Kamusikan Tuan2 — Di-terbitkan Oleh Abd. Wahab Mohd.

7.45 Persembahan Orkest Bukit Si-Guntang

8.00 Kronchong Orkest — Rakan Radio Singapura

8.30 Tanda Waktu dan Warta Berita

8.45 Hiboran Malam Ahad

9.00 Siaran Melayu Tammat

KUALA BELAIT

Siaran Pagi

11.30 Selamat Sejahtera

11.32 Hiboran Rengan dan Gembira

11.50 Majallah Sain dan Perusaha'an — BBCTS (S.U.)

12.00 Lagu2 Permintaan Sukaramai — Di-sampaikan Oleh: Zainab Zainal Abidin

12.30 Rehat

Siaran Petang

4.30 Selamat Sejahtera

4.32 Suntingan Lagu2 Sumatra

4.45 Tetamu Kita — Para Penderengar Di-Jemput ka-Studio untuk Memilih lagu2 Kege-

maran-nya Diterbitkan Oleh: Zainab Zainal Abidin

5.15 Simposium Di-udara — BBCTS

5.30 Hidangan Aneka Senandung — Oleh: Pgn. Mohd.

6.00 Siaran Melayu Tammat

PERTANDINGAN AKHIR BINTANG RADIO BRUNEI:

M. S. Bakri — Johan Lelaki
Dk. Iring — Johan Wanita

BANDAR BRUNEI. — M.S. Bakri, Johan Bintang Radio Daerah Brunei pada tahun ini telah berjaya memenangi gelaran johan Bintang Radio Brunei Tahun 1962 dan Dayangku Iring, johan Bintang Radio Daerah Belait pada tahun ini pula telah berhasil menjadi johan dalam pertandingan akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1962.

Pertandingan tersebut telah berlangsung di-padang besar Bandar Brunei pada malam Ithnin yang lalu dengan mendapat sambutan yang meriah dari kalangan para penonton, bukan sahaja yang tinggal di-kawasan Bandar Brunei, bahkan dari daerah2 yang lain juga.

Di-antara ramai orang yang menyaksikan pertandingan tersebut ialah Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman, Setia Usaha Kerajaan Brunei; Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei merangkap Pengarah, Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei; Inche Ahmad bin Haji Abdul Aziz, Jurutera Negara, Brunei dan lain2-nya.

Semua-nya dua puluh orang bidaan dan bidaan telah masuk bertanding dalam pertandingan akhir Bintang Radio Brunei itu

untuk menentukan kejohanan sa-negeri ini.

Keputusan2 pertandingan itu ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian lelaki — 1. M.S. Bakri (Daerah Brunei) — 89½ mata. 2. M. Noordin (Daerah Brunei) — 87½ mata dan 3. A. T. Ahmadi (Daerah Brunei) — 84 mata.

Bahagian wanita — 1. Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said (Daerah Belait) — 81½ mata. 2. Asiah binti Siraj (Daerah Brunei) — 81 mata dan 3. Julia Chik (Daerah Belait) — 79½ mata.

Sa-telah selesai pertandingan itu Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah memberikan satu ucapan yang berharga dan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman.


KONSOL MUDA KERAJAAN INDONESIA MELAWAT BRUNEI

BERAKAS. — Inche V. Soetomo, Konsol Muda Kerajaan Republik Indonesia di-Singapura telah melawat ka-Brunei baharu2 ini sa-telah menghadiri istiadat pembukaan rasmi Jabatan Konsol Indonesia di-Jesselton, Borneo Utara.

Beliau telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Yang Mulia Dato Sempono Kayo, wakil masyarakat Indonesia di-Bandar Brunei dan Inche Sarponan Sarmo, wakil masyarakat Indonesia dari Seria, dan lain2-nya.

Ini-lah pertama kali Inche Soetomo melawat ka-Brunei. Beliau telah berangkat ka-Jesselton dari Singapura untuk mewakili Konsol Agong Kerajaan Indonesia di-Singapura di-istiadat tersebut.

Gambar ini yang di-ambil di-bangunan lapangan terbang Berakas menunjukkan Inche Soetomo (bilangan yang ketiga dari kiri di-barisan hadapan) dan sa-bilangan dari masyarakat Indonesia yang telah menyambut ketibaan Inche Soetomo ka-Brunei.



MESHUARAT AGONG P. G. G. M. B.

(Dari Muka 1)

yang mudah di-perbuat dengan begitu sahaja.

"Membuat dasar pelajaran kebangsaan yang tulen, harus-lah mengorbankan masa yang panjang untuk menyelesaikannya", kata Dato Setia Pengiran Ali.

Turut berucap dalam upacara pembukaan rasmi Meshuarat Agong PGGMB itu ia-lah Yang Dipertua-nya, Yang Berhormat Inche Othman bin Bidin dan

Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, Yang Berhormat Inche M. McInnes.

Hampir2 400 orang yang terdiri daripada ahli2 PGGMB, Ahli2 Yang Berhormat, ketua2 jabatan Kerajaan dan wakil2 pertubuhan di-negeri ini, telah hadir dalam upacara tersebut.

Upacara itu di-akhiri dengan "do'a selamat" dan bergambar ramai sa-baik sahaja selesai menikmati jamuan ringan yang di-sediakan.

Lawatan Rombongan Kebudayaan S'pura Ka-Brunei



Inche Mohamed Zain Haji Hamzah, Penolong Penyiar Rancangan Radio Singapura yang juga menjadi Yang Dipertua Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura serta Naib Yang Dipertua Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Kebudayaan Melayu Singapura kelihatan di-gambar sa-belah kiri berjabat tangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Maun di-satu Majlis Jamuan. Gambar tengah — Satu pemandangan di-lapangan terbang Berakas pada masa ketua rombongan kebudayaan tersebut Yang Berhormat Inche Buang bin Omar Junid tiba di-Brunei dari Kuching pada pada 27 April dan gambar sa-belah kanan ia-lah satu pemandangan para penonton yang menyaksikan pertunjukan kebudayaan Singapura di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam Sabtu yang lalu.



Yang Berhormat Inche' Buang bin Omar Junid, Ketua Rombongan Kebudayaan dari Singapura sedang berucap di-majlis pembukaan pertunjukan kebudayaan di-dewan Maktab S.O.A.S. pada malam 27 April yang lalu.

ROMBONGAN KEBUDAYAAN SINGAPURA telah mengadakan persembahan nyanyian2 dan tarian2 yang berchorak kebudayaan berbagai2 bangsa di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada malam2 Sabtu dan Ahad yang lalu dengan mendapat sambutan yang baik dari para penonton.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di-Brunei Sir Dennis White; Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un; Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei Raja Azam bin Raja Kamarulzaman ia-lah di-antara para penonton tersebut.

Rombongan muhibbah tersebut di-ketuai oleh Yang Berhormat Inche Buang bin Omar Junid, Setia Usaha Kementerian Kesihatan dan Undang2 Singapura telah tiba di-Brunei dengan dua buah kapal terbang dari Kuching pada hari Jumaat 27 April, 1962, dan di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei Raja Azam; Timbalan Pengarah Jabatan Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir; Pegawai2 dari Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei dan lain2-nya.

Puan Naemah Yusof dari Persatuan Seni Budaya Melayu Brunei telah menghadiahkan chendramata berupa bunga2 orkid kepada Yang Berhormat Inche Buang bin Omar Junid, sa-bagai kenangan lawatan muhibbah rombongan kebudayaan dari Singapura itu ka-Negeri Brunei.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Ma'un, kelihatan memberi ucapan mengalu2kan Rombongan Kebudayaan Singapura pada malam Sabtu yang lalu.



Satu pemandangan pertunjukan kebudayaan Singapura di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam 27 April. Pemuda pemudi rombongan kebudayaan itu kelihatan mempersembahkan tarian asli "Mak Inang Pulau Kampai".


Rombongan itu telah di-jadualkan mengadakan persembahan di-sabuh pentas yang khas di-padang besar Bandar Brunei pada pukul 8 malam Ahad yang lalu. Akan tetapi hujan telah menchorak turun dengan lebat tidak berhenti2 semenjak waktu maghrib sa-hingga lewat malam itu. Bagaimana pun, untuk memberi peluang kepada orang ramai yang belum menyaksikan persembahan tersebut pada malam Sabtu, maka atas usaha pihak2 yang berkenaan persembahan itu di-adakan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin mulai dari pukul 10.30 malam hingga ka-tengah malam.

Rombongan itu telah melawat ka-kawasan padang minyak di-Seria pada hari Sabtu 28 April di-mana anggota2 rombongan itu telah di-bawa oleh Pegawai2 dari Syarikat Minyak Brunei Shell menyaksikan beberapa tempat yang mustahak berhubung dengan pengeluaran minyak di-negeri ini. Mereka juga telah melawat ka-kawasan Kuala Belait.

Rombongan Muhibbah Kebudayaan Singapura itu telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, ka-tempat membuat barang2 perak dan ka-lain2 tempat di-Bandar Brunei pada hari Ahad dan telah berlepas ka-Jesselton dengan sa-buah kapal terbang pada tengah hari itu untuk mengadakan pertunjukan kebudayaan di-sana pula sa-belum balek ka-Singapura.



Biduan M. Bakri dan Biduanita Nona Asiah kelihatan sedang menyanyikan lagu "Sengketa dan Damai" di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada malam Sabtu yang lalu.



Kiri — Satu pemandangan pada masa lawatan rombongan kebudayaan Singapura ka-sabuh telaga minyak di-Seria. Tengah — Wanita2 rombongan kebudayaan Singapura bergambar dengan beberapa orang wanita tempatan di-Asrama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Kanan — Satu pemandangan sa-bilangan dari anggota2 rombongan kebudayaan Singapura itu pada masa lawatan ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Sekolah Melayu S.M.J.A. Menang Pertandingan Sepak Raga Jaring

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah memenangi gelaran johan pertandingan sepak raga jaring di-antara murid2 Sekolah2 Melayu Saluruh Negeri Brunei yang telah di-adakan di-kawasan Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 19 April, 1962.

Ini-lah pertama kali dalam sejarah Negeri Brunei di-adakan pertandingan sepak raga jaring di-antara murid2 Sekolah2 Melayu Sa-negeri ini.

Dalam pertandingan akhir itu, Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dengan 17/14 dan 18/16 mata.

♦♦♦♦♦

BRUNEI S.C. MENGALAHKAN LABUAN S.A.

BANDAR BRUNEI. — Brunei Sports Club telah mengalahkan Labuan Sports Association dengan dua gol tidak berbalas dalam pertandingan sa-paroh akhir bola sepak bagi merebutkan Piala Kenangan Sa-ratus Tahun Pulau Labuan.

Pertandingan itu telah di-adakan di-padang besar, Bandar Brunei pada petang 21 April, 1962 dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Johnny Marcus dan Abdullah Ja'afar telah menjaringkan gol2 yang di-dapati oleh Brunei Sports Club.

Dengan kemenangan tersebut, Brunei Sports Club telah berjaya memasuki pertandingan akhir bagi merebutkan kejohanan pertandingan bola sepak itu.


Pertandingan akhir itu akan di-adakan di-Labuan. Bagaimana pun, sa-takat ini Pelita Brunei belum-lah mendapat tahu dengan rasminya pasukan mana-kah yang akan melawan Brunei Sports Club dalam pertandingan akhir itu dan juga tarikh perlawanan itu.

♦♦♦♦♦

Sekolah2 yang mewakili daerah masing2 dalam pertandingan sepak raga jaring itu ialah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, Bahagian Brunei Dua; Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Daerah Tutong; Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Daerah Belait; dan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong.

Dalam pertandingan pusingan permulaan Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei telah mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Daerah Belait dengan 15/7 dan 18/13 mata.

Sekolah Melayu S.M.J.A. mengalahkan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut dengan 15/6 dan 15/4 mata dan Seko-



Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah memenangi gelaran johan pertandingan sepak raga jaring di-antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada tahun ini. Dalam gambar ini kelihatan pemain2 pasukan Sekolah Melayu S.M.J.A. dan sa-orang pemain Sekolah Melayu S.M.A.T. Kuala Belait ketika di-adakan pertandingan pusingan permulaan di-antara pasukan2 itu. Keputusan pertandingan di-antara pasukan2 itu ada-lah di-siarkan di-muka ini.

lah Melayu Sultan Hassan, Temburong mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan 15/5 dan 15/11 mata dalam pertandingan2 sa-paroh akhir.

Sekolah Melayu S.M.J.A. mengalahkan Sekolah Melayu Sultan

Hassan dalam pertandingan akhir sa-bagai mana tersebut dengan mengambil masa 6 minit dalam perlawanan yang pertama dan 9 minit dalam perlawanan yang kedua.

Pemain2 pasukan Sekolah Melayu S.M.J.A. dalam pertandingan akhir itu ia-lah Ali Hassan, Yahya bin Abu Bakar dan Awangku Mohiddin bin Pengiran Manggong.

Pemain2 pasukan Sekolah Melayu Sultan Hassan dalam pertandingan akhir tersebut ia-lah Ya'kob bin Ampuan Judah; Yusof bin Damit dan Osman bin Basiah.

Inche Abdul Salam bin Abdul Razak dan Inche Mohamad Ali Hitam telah mengadakan perlawanan2 tersebut.

Inche Noordin bin Abdul Latif, Pengelola Pelajaran Melayu Negeri Brunei telah menyampaikan hadiah2 kepada pasukan2 yang berjaya serta pemain2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan sepak raga jaring itu.

Pertubuhan Perkumpolan Perempuan Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pertubuhan Perkumpolan Perempuan Brunei akan menghantarkan sa-orang ahlinya ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatah sa-bagai sa-orang penyelia sa-lama tiga bulan di-Ibu-Pejabat Dewan Wanita di-Kuala Lumpur. Demikian kata Puan Rogayah binti Abdul-Rahman, Penyelia Pertubuhan Perkumpolan Perempuan Brunei.

Puan Rogayah menerangkan bahawa sa-orang akan di-pilih di-antara anggota2 persatuan tersebut yang berumur lebih dari 21 tahun.

Perempuan yang di-pilih itu akan di-hantarkan ka-Kuala Lumpur untuk berlatah sa-baik2 sahaja wang sa-banyak \$1,500 yang di-perlukan itu menchukopi.

Apabila ia balek ka-Brunei sa-lepas berlatah, kata Puan Rogayah, penyelia itu akan menyelia kan chawangan2 Pertubuhan

Perkumpolan Perempuan Brunei yang baru di-seluruh negeri ini.

Sementara itu, persatuan tersebut telah mengadakan jualan barang2 makanan dan minum sa-lama tiga hari di-Muara baharu2 ini pada masa di-adakan perlumbaan perahu2 layar dan telah mendapat wang lebih dari \$500.

PERLUMBAAN PERAHU LAYAR

MUARA. — Royal Brunei Yacht Club telah memenangi Piala Perlumbaan Perahu Layar di-antara beberapa buah persatuan perahu layar di-Pelabuhan Muara mulai dari 20 hingga 22 April 1962.

Persatuan2 yang mengambil bahagian dalam perlumbaan di-ayer itu ia-lah Royal Brunei Yacht Club, Miri-Belait Boat Club, Jesselton Yacht Club dan Sandakan Yacht Club.

Royal Brunei Yacht Club telah mendapat 194½ mata. Jesselton Yacht Club telah mendapat 194 mata, di-turut oleh Miri-Belait Boat Club yang telah mendapat 186½ mata dan Sandakan Yacht Club — 134 mata.

Sa-lain dari itu, Royal Brunei Yacht Club juga telah memenangi piala "Dusty" Miller di-temasha perlumbaan perahu layar itu.



Royal Brunei Yacht Club telah menjadi johan perlumbaan perahu2 layar yang telah di-adakan di-pelabuhan Muara di-Negeri Brunei mulai dari 20 hingga 22 April, 1962. Gambar ini menunjukkan satu pemandangan perlumbaan untuk merebutkan Piala "Dusty" Miller. Royal Brunei Yacht Club juga telah memenangi perisai itu.

PERSATUAN ANGKATAN PEMUDA PEMUDI DI-TUBOHKAN DI-KAMPONG SULTAN LAMA

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah persatuan baharu telah di-tubuhkan di-Kampung Sultan Lama, Brunei dengan nama Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi, ringkas-nya PAPP. Pendaftaran-nya telah di-luluskan oleh pihak pendaftaran Negeri Brunei pada 16 April yang lalu.

261 ORANG BAKAL2 ASKAR BALEK KA-BRUNEI 13 HARI LAGI

BANDAR BRUNEI. — Ibu2 bapa, keluarga2 dan sahabat2 handai bakal2 Askar Melayu Brunei di-jangka akan membanjiri Tambatan Kastam Diraja di-Bandar Brunei pada hari Thalatha 15 May, 1962 untuk menguchapkan "selamat kembali ka-Tanah Ayer" kepada bakal2 askar itu yang telah tamat berlatih dalam tingkatan pertama di-Pusat Latihan Askar Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bakal2 Askar Melayu Brunei itu, mengandungi 261 orang dari rombongan2 ke-dua dan ke-tiga yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu beberapa bulan yang lalu untuk berlatih di-Port Dickson.

Mereka akan tiba di-Brunei dari Singapura pada hari Thalatha 15 May dengan sa-buah kapal yang di-sewa khas oleh Kerajaan Brunei.

Perajurit2 itu akan berangkat sa-mula ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal laut pada 11 June, 1962 untuk meneruskan latihan di-Perkhemahan Seginting.

MENTERI GHANA DI-PECHAT KERANA ISTERI

GHANA. — Presiden Ghana, Doktor Kwame Nkrumah telah membuang Menteri Perusahaan Ghana Inche Krobo Edusei pada 18 April yang lalu dan beliau sendiri mengambil alih Kementerian Perusahaan itu.

Satu pengumuman yang rasmi berkata bahawa Kerajaan Ghana juga telah mengambil sa-buah rumah baru yang besar yang di-punyai oleh Inche Edusei itu di-luar Bandar Accra.

Langkah tersebut ada-lah ke-monchak dari satu pergolakan kritik yang menentang Inche Edusei semenjak di-siarkan berita yang mengatakan isteri-nya telah membeli sa-buah katil yang bersalut dengan emas.

Pengumuman tersebut telah di-buat sa-lapas beberapa jam sahaja Inche Edusei kembali dari London ka-Ghana sa-lapas melawat isteri-nya itu.

Persatuan tersebut di-tubuhkan oleh pemuda pemudi di-Kampung Sultan Lama dan ahli2-nya hanya terdiri daripada pemuda pemudi kampung itu sahaja.

PAPP mempunyai chogan kata "Peribadi Nilai Bangsa".

Setia Usaha Penerangan PAPP, Inche' Mohd. Diah Abu Bakar menerangkan bahawa persatuan itu bertujuan antara-nya:

- ◆ Meninggikan peribadi bangsa dan kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan dasar agama Islam;

- ◆ Mengembangkan kebudayaan Melayu baik dalam bidang bahasa, kesenian, sukan dan lain2; dan

- ◆ Akan bekerja sama dengan prsatuan2 lain yang sama tujuan-nya demi mengembangkan persatuan dan mengerat-

kan lagi perpaduan bangsa Melayu.

Pegawai2 PAPP bagi tahun 1962 ada-lah terdiri:

Yang Di-Pertua — Inche' Sulaiman bin Puteh; Naib Yang Di-Pertua — Inche' Mahmud bin Husain; Setia Usaha Kehormat — Inche' Ismail bin Apong; Timbalan Setia Usaha Kehormat — Inche' Abdul Ghafar bin Jumaat, Bendahari Kehormat — Pengiran Wahab bin Pengiran Kambar; Timbalan Bendahari Kehormat — Inche' Anuar bin Haji Abdul Hamid; Setia Usaha Penerangan — Inche' Mohd. Diah bin Abu Bakar; Setia Usaha Sukan — Inche' Md. Salleh bin Lakim; Setia Usaha Kebajikan — Inche' Md. Taha bin Jambul dan lima orang ahli2 jawatan kuasa, Inche' Md. Zamzam bin Awang Salim, Inche' Pungut bin Metasan, Inche' Ahmad bin Mokti, Inche' Hashim bin Jalil, dan Inche' Abdul Latif bin P.R. Othman.

P.P.P. Wan Ibrahim Mengadap

D. Y. M. M.

BERAKAS. — Penolong Pesuruhjaya Polis, Wan Ibrahim bin Wan Mohamed Isa, Komandan, Pusat Latihan Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur telah melawat ka-Brunei baharu2 ini.

Beliau telah di-tergui di-lapangan terbang Berakas oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis Negeri Brunei, Inche David Forrer pada masa tiba dari Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam masa lawatan ka-Brunei, Penolong Pesuruhjaya Polis Wan Ibrahim telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana dan juga melawat ka-Seria dimana beliau telah bertemu dengan Pegawai2 dan Anggota Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu yang berkhidmat di-negeri ini.

Wakil Sharikat Minyak di-Bandar Brunei Balek Dari Luar Negeri

BANDAR BRUNEI. — Inche P.A. Coates, Wakil Sharikat Minyak Brunei Shell di-Bandar Brunei telah menjalankan tugas beliau sa-mula pada 18 April, 1962 sa-telah berchuti di-luar negeri sa-lama tujuh bulan.

PULIS DARI MALAYA:

38 Orang Balek, 42 Orang Datang

BERAKAS. — Saramai 38 orang anggota2 Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu yang berkhidmat di-Negeri Brunei telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada hari Ahad yang lalu sa-lapas menamatkan perkhidmatan mereka di-negeri ini.

Sementara itu 42 orang anggota2 Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang pada hari tersebut untuk berkhidmat di-Negeri Brunei.

Penolong Pengelola Pulis Inche Abdul Aziz bin Abdul Jalil telah tiba di-negeri ini bersama2 dengan rombongan pulis yang baharu itu dari Persekutuan Tanah Melayu.

SEMINAR WARTAWAN2

KUALA LUMPUR. — Wartawan2 di-Persekutuan Tanah Melayu akan mengadakan satu seminar di-Kuala Lumpur pada akhir tahun ini.

Seminar Wartawan itu akan diadakan untuk membincangkan perkara2 mengenai kewartawanan dan kebebasan penerangan.

Inche Coates telah mulai berkhidmat dengan Sharikat Minyak Shell di-London dalam bulan November 1959 dan telah berkhidmat sa-bagai Wakil Sharikat Minyak itu di-sini dalam bulan March 1961.

Sa-belum berkhidmat dengan Sharikat Minyak, Inche Coates telah menjadi Penolong Resident di-Kuala Belait dari tahun 1954 hingga ka-tahun 1956. Terlebih dahulu beliau telah berkhidmat sa-bagai sa-orang Pegawai Pertadbiran Malaya sa-lama delapan tahun.

Inche Coates telah balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1957 sa-bagai Ketua Penolong Setia Usaha, Jabatan Kementerian Kewangan dan kemudian di-lantek menjadi Pega-

wai Kewangan Negara, Negeri Sembilan.

Dalam satu wawanchara dengan Inche Coates beliau berkata bahawa Pejabat Sharikat Minyak di-Bandar Brunei akan sentiasa memberi pertolongan kepada orang ramai yang berkehendakkan ma'lumat dan penerangan2 berhubung dengan perusahaan minyak dalam Negeri Brunei dan lain2 perkara yang bersangkutan paut dengan Padang Minyak di-Seria.

Pejabat Wakil Sharikat Minyak Brunei Shell di-Bandar Brunei ia-lah di-nombor 60 Jalan Suk dan nombor talipon-nya ia-lah 356.

Pejabat itu di-buka dari tiap2 hari Ithnin hingga ka-hari Jumaat dari pukul 7.30 pagi hingga ka-pukul 12.30 tengah hari dan dari pukul 1.30 petang hingga ka-pukul 4.15 petang. Pada tiap2 hari Sabtu pejabat itu di-buka dari pukul 7.30 pagi hingga ka-pukul 12.15 tengah hari.

MALAYA MENANG PIALA EMAS TENGKU ABDUL RAHMAN

KUALA LUMPUR. — Malaya telah berjaya menjadi johan yang pertama sa-kali dalam pertandingan kejohanan Gabungan Badminton Asia untuk merebutkan Piala Emas Tengku Abdul Rahman.

Pertandingan akhir itu telah diadakan di-Stadium Negara, Kuala Lumpur pada malam Ahad yang lalu dan di-saksikan oleh beribu2 orang.

Dalam pertandingan badminton tersebut Malaya telah mengalahkan Indonesia dengan lima perlawanan tidak berbalas, dengan mengambil masa 86 minit.

Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Yang Dipertua, Gabungan Badminton Asia telah menyampaikan piala emas-nya itu kepada Teh Kew San, Kapten Pasukan Malaya dalam satu istiadat yang gilang gemilang di-Stadium Negara sa-lapas di-adakan pertandingan badminton itu.